

'5 POINTS' >> Cara Memperkenalkan Diri Semasa Temuduga

Soalan Temuduga Yang Paling Bocor

Salam, disebabkan artikel yang sebelum nya nampak berterabur, artikel yang anda baca sekarang adalah **versi kedua** penulisan saya untuk tips yang anda boleh gunakan bila diminta untuk kenalkan diri semasa temuduga. Kiranya, saya ubah dan upgrade artikel yang sebelum nya untuk buat panduan ini lebih baik dari yang sebelum nya..

Sudah semestinya, semasa saya siapkan artikel versi kedua ni, ada juga saya rujuk beberapa orang yang memang pakar dalam bidang temuduga ni. Antaranya :

**anda boleh skip terus kebahagian bawah, bahagian saya sengaja kenalkan pada korang semua...



[Linda Raynier](#) – Linda ni sememangnya sangat aktif dalam berkongsi tips temuduga. Beliau ada pengalaman lebih 7 tahun dalam accounting dan finance industries. Ikutkan pada biodata nya, beliau sudah berjaya dapatkan kerja untuk 200 orang yang bukan biasa biasa jawatannya, sebab termasuk Director sekali di bantunya. Beliau juga sudah menjadi coaches untuk beribu orang yang lainnya dalam membantu diorang dapatkan keyakinan supaya dapat kerja. Linda Raynier juga aktif dengan video videonya di [Youtube](#). Siap ada dekat 250 000 subscriber lagi di Youtube.



Deniz Sasal – Denis ni saya suka jadikan sebagai rujukan sebab video video di [Youtubanya](#) simple untuk say faham hadam. Denis ni, memang seorang consultant dalam career, beliau memang ada group dan produk sendiri, [thecareermastery.com](#). Jadi, padanlah kalau dia boleh olah soalan yang susah kepada penerangan yang lebih mudah faham, contohnya cara nak jawab soalan '[what is your weakness](#)'. Padan lah juga, kalau ada orang yang beliau coach dapat kerja dengan [Google, Microsoft, BMW dan macam macam lagi..](#) Ikut pada Linkedin nya, Denis ni pernah kerja di London dan juga Dubai (company yang sama)

Ankit Kalonia – Ankit ni dari India kot, beliau macam sudah stop buat video di [Youtube](#). Tapi apa yang pasti, walaupun video di Youtubanya paling sikit. Tapi paling banyak input yang saya dapat. Sebab beliau siap lakon lagi bila kita berada di depan depan Penemuduga.

Jade dan **Ronnie** dari EngVid – Anda pernah dengar EngVid, ni satu group channel di Youtube. Diorang ni banyak tau kongsi tips cara cakap English dengan betul, banyak la tips tips yang orang melayu kita mudah faham. Contoh macam grammar semua tu. Dan si Jade dan Ronnie ni lah antara top presenter.



Si Ronnie ni memang jenis lawak lawak, tengok tu siap diterbalikkan gambarnya. SI jade ni pula cantik, sejuk je hati nak faham bila dia terang..



MauKerja.my
Cari Sampai Ngam

MauKerja – Macam **Jobstreet**, tapi masih lagi baru. Banyak juga jawatan kosong. Boleh click di [SINI](#) untuk lebih lanjut

Stop Cerita Pasal Diorang... Sekarang ni...

Berbalik kepada motif utama kita. So selepas anda masuk bilik temuduga. **SUDAH PASTI** soalan yang awal awal di tanya kepada anda ialah “Boleh perkenalkan diri?”.

Jangan jawab “Anda nak tahu apa tentang saya” pula ya. Nampak sangat anda tak prepare dan confirm tak dapat kerja.

Jangan juga cerita tentang hobi, fav games, atau rancangan tv yang anda suka. Lagi lah tak perlu dan menampakkan kebangangannya. Apa kau artis ke diorang nak tahu sangat?

Cerita balik satu persatu apa yang anda tulis dalam resume pun salah juga. Sebaliknya, anda pilih mana yang utama, tapi cerita yang ringkas ringkas sahaja.

Teruskan baca. Saya anda kongsi apa point nak cakap.

Perhatian..

Sebelum ini saya ada buat satu survey, berapa kali antara

anda, iaitu pelawat blog saya pernah pergi temuduga. Resultnya, macam ramai yang tak pernah datang lagi. Anda boleh baca artikel, response saya akan survey tersebut. di bawah,

[RESULT SURVEY](#) << KLIK SINI

Faktor UTAMA Untuk Menjawab Soalan Ini

Tak lain tak bukan. Bila kita diberi peluang untuk berhujah macam ni, si [penemuduga](#) nak tahu samada anda boleh buat kerja yang diorang tawarkan atau tidak.

Saya ada kelaskan kepada 3 perkara penting yang anda perlu masukkan dalam dialog kenalkan diri anda tu. Iaitu:

1. Qualifications – kiranya tahap education anda.
2. Pengalaman kerja yang lepas.
3. Adakah anda dan pengalaman anda fit dengan jawatan kosong yang ditawarkan.

Saya rasa, dah tak ada lain lah. 3 benda ini sahaja yang penemuduga nak sangat tahu sebenarnya. Untuk di bahagian bawah ni, saya akan kongsi antara points yang anda boleh kongsi untuk buktikan 3 perkara yang penemuduga nak sangat tahu ni.

Sediakan Ayat/Dialog Awal Awal and Get Ready

Baiklah untuk persediaan yang terbaik bila kita nak kenalkan diri semasa temuduga ialah kita aturkan satu persatu maklumat yang kita nak kongsi.

Maksud saya, nama apa, umur berapa. Dulu kerja mana, study kat mana, pengalaman jugalah sudah pasti.

Memang nampak mudah. Tapi ideanya sekarang, nak buat orang yang temuduga kita tu, nampak lah sikit yang kita ni cerdik sebab dapat cerita dengan baik, fasih, teratur, petah...

Ingat ya, bukan sekadar point apa nak cakap tu mesti disusun dengan baik sahaja. Malah cara anda olah atau perkataan yang keluar dari mulut tu pun dikira juga. Bila cakap, buatlah nampak yakin sikit. Jangan malu malu.

Pastikan juga suara anda tu jelas, bukan lantang. Bukan kuat. Tapi jelas. Kalau tak, buang air liur sahaja.

Ok, so untuk menjawab soalan cara kenalkan diri ni antara yang paling penting ialah anda mesti tahu nak cakap apa. Praktis dan plan susunan ayat anda.

Saya sarankan, anda follow sahaja apa yang saya susunkan di bawah. Atau mungkin boleh susun point point di bawah ikut pada kesesuaian situasi anda.

Alright?

5 Bahagian Utama Semasa Kenalkan Diri

Saya bahagikan kepada 4 bahagian utama.

Bahagian 1 – bagi tahu Nama, Umur, Status anda. Bujang ke tak.

Bahagian 2 – background education, bila graduated semua

Bahagian 3 – pengalaman kerja

Bahagian 4 – pencapaian yang pernah di peroleh

Bahagian 5 – kenapa anda sesuai dapat kerja ni?

Baiklah, sekarang kita akan pergi satu persatu.

Bahagian 1 – bagi tahu Nama, Umur, Status



Macam biasa, bagi tahu nama anda. Umur status semua. Kalau ada yang terfikir, perlu tak nak bagi tahu nama sampai bin atau binti? Bagi saya, tak perlu kot. Walaupun Ankit Kalonia, salah seorang dari 6 orang personal yang saya kenalkan di atas tadi cakap, elok bagi tahu sampai nama bapak sekali.

Tarikh lahir tak perlu, cukup dengan terus bagi tahu umur anda berapa.

Bahagian 2 – background education, bila graduated semua



Ah ini penting juga ni. Bagi tahu study mana sebelum ni. Tahun berapa graduated. Kelulusan apa. Pointer tu kalau agak agak paras hidung, tak payah la buat muka bangga nak share juga.

Bahagian 3 – pengalaman kerja



Ini yang paling utama. Ingatkan 3 faktor utama apa yang soalan 'minta anda kenalkan diri' ni boleh beri maklumat pada si penemuga?

Saya ulang semula.

1. Adakah budak ni ada kelayakan (education) untuk kerja yang aq nak bagi dia ni?
2. Adakah budak ini ada pengalaman yang macam aq nak?
3. Adakah budak ni boleh buat, dan pengalamannya sesuai dengan kerja yang aq nak bagi?

Untuk objektif 2 dengan 3. Nampak macam sama tau. Tapi lain juga sebenarnya. Untuk no 2 memang straight forward lah. Kalau ada pengalaman yang memang betul betul atau yang sipi sipi macam kerja kosong yang anda nak, memang terbaik lah.

Untuk no 3 pula. Lebih kepada monologue anda sendiri. Kiranya anda sendiri yang bagi tahu, sesuai buat itu sesuai buat ini. Nanti saya cerita lebih detail di bahagian 5. Sekarang baru 3 kan, pengalaman kerja.

Untuk pengalaman kerja, ikut pada idea yang diberi oleh Linda Raynier (salah sorang dari 6) bagi tahu, kongsikan 4 detail ini untuk setiap company yang anda pernah kerja.

1. company name/product company ini
2. jawatan anda
3. tahun pengalaman kerja
4. major responsibilities

Linda Raynier suggest tak termasuk 'product company ini'. Faktor itu saya sendiri yang pilih. Sebab takut takut kalau anda kerja dengan company yang tak popular. Jadi orang lain pun blur nak faham tugas anda apa.

Dan contoh ayatnya ialah:

Sebelum ini saya pernah bekerja dengan 3 buah kilang. Kilang pertama, B Brown di Penang. Jawatan saya process technician yang memang bekerja terus dengan production untuk jaga kualiti output. Saya kerja di B Brown tak lama, lebih kurang dalam 2 tahun sahaja. Selepas tu saya dapat tawaran kerja kosong di Infenion. Di Infenion saya kerja bla bla bla. selama 1 tahun lebih..selepas tu kilang lain pula.

Ok itu contoh, sekarang saya nak pecah pecahkan apa yang saya duk celoteh atas tu. Kalau anda perhatikan, saya guna ayat yang buat macam saya ni mesra mesra gitu. Ayat yang buatkan saya ni tak bercakap macam dari text. Kiranya ayat yang macam memang cara saya bersembang.

Iaitu, perkataan "saya kerja di B Brown **tak lama**" – hah yang tak lama ni. Saya juga ada gabungkan jawatan dan tugas saya dalam satu ayat. Ini bagus juga untuk pendekkan cerita.

Yang terakhir, bila masa anda duk cerita cerita tu, tak kesah lah time soalan yang diajukan itu apa. Pastikan jawapan anda tu tak tempelak muka anda sendiri. Kiranya jangan bagi jawapan yang buat anda kantoi. Contoh, anda punya la masuk duk cerita machine itu machine ini, sekali diorang suruh anda cerita cara mechanically machine tu berfungsi macam mana? Tak ke MENGANGA.

Serupa juga dengan contoh ayat saya di atas. S

aya ada bagi tahu keje kejam sahaja kan. Keje kejam 2 tahun, dan tukar company lain. Lepas tu 1 tahun lebih, dan tukar lagi. Benda ni kebanyakan company tak suka tau. Ibarat anda nak baik gaji sahaja. So, pandai pandai la plan ayat tu.

Bahagian 4 – pencapaian yang pernah di peroleh



Contoh macam kilang saya sekarang, selain daripada dailty routine task. Akan ada macam satu project yang enginer minta tolong. So project ni boleh la kongsi di bahagian yang ini. Andai kata anda tak ada, hanya perlu mention apa daily task anda yang mungkin paling penting, paling utama, paling crucial yang membantu company.

Bahagian 5 – kenapa anda sesuai dapat kerja ni?



Bahagian 5 ini pula, saya janji nak cakap lebih detail kan masa di bahagian 3, pengalaman kerja tadi.

Tujuannya adalah untuk buat anda sendiri dengan yakinnya cakap, yang anda ni boleh buat kerja dan fit dengan kerja kosong yang ditawarkan.

Tapi jangan yakin yang terlampau over sangat, rilek,

bersahaja, nampak rendah diri. Tak riak.

Caranya ialah merujuk pada job qualification yang ada di iklan.

Di atas, adalah contoh snap yang saya ambil dari salah satu iklan di Jobstreet. Untuk apply bahagian 5 ni. Anda mesti tahu qualification/responsibilities apa yang diorang nak.

Seperti contoh apa yang saya boleh ambil:

Saya perasan yang job ads jawatan ini di Jobstreet ada bagi tahu, mesti biasa selesaikan basic function of SEO defect analysis kan. Sememangnya task ini boleh kata saya handle setiap kali new case problem. Selain daripada guna microscope, saya juga ada guna x ray machine untuk lihat bahagian dalam texture dan juga machine bla bla bla.

Ok nampak tak? Cakap lembut lembut ok. Dan jelas. Jangan bunyi over. Bukan nak tunjuk pandai ni, tapi nak tunjuk berpengalaman dan boleh buat kerja.

Baiklah..itu sahaja, ingat ya 5 perkara ni bila kenalkan diri.

Few Notes Before End.

Ok, sebelum saya tamatkan cara untuk kita kenalkan diri semasa temuduga ni. Saya nak tinggalkan beberapa notes lain yang patut juga untuk saya kongsi. Ingat ya, ini antara soalan temuduga yang boleh kata confirm akan ditanya.

1. Yang pertama, anda mesti mesti mesti mesti praktis. Kalau tak praktis monolog atau dialog cara kenalkan diri ni memang susah nak lepas. Atau cakap dengan baik (fasih, petah, jelas)
2. **Tak perlu sembang terlalu lama. Bagi saya, cukup anda kenalkan diri ni ambil masa dalam kurang 10 minit. 10 minit pun mungkin agak sederhana lama juga. 5 minit**

terbaik kot.

3. Tak perlu sembang terlalu detail, contoh anda ada pengalaman dari 3 buah kilang sebelum ini. Tak perlu cerita semua tugas anda setiap kilang tu satu satu. Cukup yang major responsible sahaja. Kalau dia tanya lagi, atau minta anda jelaskan. Baru cerita.
4. **Cuba berlatih tone suare yang cerita. Jangan cakap mcm robot, atau guna tone boring. Cuba berlatih bercakap dalam keadaan yang senyum. Baik juga tips ni tau.**
5. Untuk yang kelima, saya sepatutnya letak point no 5 ni jadi no 1, sebabkan betapa pentingnya maklumat ini. Iaitu, soalan 'minta kita kenalkan diri' ni adalah soalan yang paling paling popular. Ibarat macam soalan bocor. Kita masuk exam, tau tak soalan apa yang nak ditanya? Mesti tak kan. Tapi temuduga ni. Kita dah tahu. Sebabkan kita dah tahu, kenapa tak usahakan betul betul?

Berikut pula antara soalan soalan lain yang akan ditanya selain daripada perkenalkan diri ni... Selamat membaca...

Contoh [Soalan Lazim Temuduga](#)

Contoh Soalan temuduga yang susah dijawab

Contoh Soalan temuduga yang bila jawab, [mesti hati hati](#)

Contoh soalan temuduga untuk [fresh graduate](#)

Contoh soalan temuduga untuk yang sudah ada pengalaman kerja

Contoh soalan yang [perlu di tanya pada panel temuduga](#)

Contoh [Soalan Lazim Temuduga Kerajaan](#)